

29/04/1997

Kuasai bahasa Inggeris tangkis dakyah Barat

Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Isnin - Media di negara ini belum mampu menyaingi rangkaian media Barat kerana tidak mempunyai infrastruktur lengkap bagi menepis segala tindak-tanduk mereka memburukkan Islam.

Sehubungan itu, wartawan veteran, Tan Sri A Samad Ismail, berharap wartawan dan pendakwah negara menguasai bahasa Inggeris dan ilmu penulisan untuk berkomunikasi dengan pembaca dan pendengar Barat.

"Bahasa Inggeris penting untuk berkomunikasi bagi membolehkan mereka mengemukakan cara hidup Islam di negara ini yang mencerminkan nilai murni masyarakat Malaysia.

"Selain itu, media negara juga perlu memperbanyakkan penulis yang menguasai ilmu agama dan boleh menafsir nilai Islam yang diamalkan kepada Barat.

"Cara ini penting kerana kita tidak mempunyai peralatan yang mencukupi," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas saranan peserta Simposium antarabangsa mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global yang berakhir di sini semalam, yang meminta negara mempelopori usaha memperbaiki imej Islam melalui rangkaian media bagi menepis segala tindak tanduk media Barat memburukkan Islam.

Semalam Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid mengumumkan resolusi peserta simposium itu selepas menghadiri majlis penutup simposium tiga hari itu anjuran IKIM dan Pusat Kajian Islam Universiti Oxford.

Simposium dihadiri lebih 150 mewakili ahli politik, tokoh korporat, pegawai kerajaan dan wartawan dari beberapa negara dalam resolusi yang dibacakan Ahmad Sarji, berpendapat dunia Islam tidak mendapat gambaran yang baik dalam media yang bukan dikuasai bukan Islam.

Samad berkata, cara kita bertindak balas ke atas dakyah Barat ialah dengan menonjolkan cara hidup kita yang bersikap terbuka, toleransi di samping berusaha menguasai teknologi kepada Barat.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap sering menjadikan Malaysia sebagai negara model dengan membuktikan apa yang berlaku di negara ini.

"Ucapan yang disampaikan itu adalah salah satu daripada usaha dakwah di samping mengemukakan bukti konkrit melalui keharmonian masyarakat berbilang agama di negara ini.

"Jika negara kucar-kacir ucapan dan kenyataan yang disampaikan tidak dapat dibukti dan disokong dengan fakta kukuh," katanya.

Menurutnya, media negara ini perlu terus memperlihatkan kemajuan dan kemampuan negara menguasai teknologi kepada Barat dalam usaha meninggikan imej Islam dan meningkatkan peralatan serta membina jalinan rangkaian komunikasi lengkap.

(END)